

**PENGURUSAN WARISAN BUDAYA KETARA:  
TAPAK ARKEOLOGI DAN MONUMEN BERSEJARAH  
NEGERI SARAWAK,  
1947 – 2010**



**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2013**

**PENGURUSAN WARISAN BUDAYA KETARA:  
TAPAK ARKEOLOGI DAN MONUMEN BERSEJARAH  
NEGERI SARAWAK,  
1947 – 2010**



**BIDAH ANAK UGONG  
TESISINI DIKEMUKAKAN  
UNTUK MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA SASTERA**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2013**

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_IJAZAH : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_SAYA : \_\_\_\_\_ SESI PENGAJIAN : \_\_\_\_\_  
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis \*(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

TARIKH: \_\_\_\_\_

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: \_\_\_\_\_

Catatan:

\*Potong yang tidak berkenaan.

\*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

\*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

21 Oktober 2012

---

Bidah Anak Ugong  
PA20098203



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **BIDAH ANAK UGONG**  
NO. MATRIK : **PA20098203**  
TAJUK : **PENGURUSAN WARISAN BUDAYA KETARA: TAPAK ARKEOLOGI DAN MONUMEN BERSEJARAH NEGERI SARAWAK, 1947 – 2010**  
IJAZAH : **SARJANA SASTERA (SEJARAH)**  
TARIKH VIVA : **4 FEBRUARI 2013**

## DIPERAKUI OLEH

### 1. PENYELIA UTAMA

Encik Baszley Bee Bin Basrah Bee

Tandatangan

### 2. PENYELIA BERSAMA

Prof. Madya Dr. Bilcher Bala

Tandatangan



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGHARGAAN**

Syukur kepada Allah kerana berkat dan keizinannya memberi saya dorongan dan kekuatan dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Setelah dua tahun, akhirnya penulisan ini dapat disiapkan.

Penghargaan yang tidak terhingga buat En. Baszley Bee bin Basrah Bee selaku penyelia latihan ilmiah ini. Beliau telah banyak memberi nasihat, bimbingan, dorongan dan tunjuk ajar sepanjang proses penulisan ini. Tanpa beliau, adalah mustahil untuk saya menyiapkan latihan ilmiah ini mengikut masa yang ditetapkan. Kesabaran, komitmen dan jasa beliau tetap terpahat di dalam hati sehingga ke akhir hayat nanti. Di samping itu, jutaan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Bilcher Bala selaku penyelia bersama serta para pensyarah Sekolah Sains Sosial khususnya pensyarah Program Sejarah di atas tujuk ajar selama menyiapkan latihan ilmiah ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada kakitangan Jabatan Muzium Sarawak, khususnya Pengarah Muzium En. Ipoi Datu, Kurator Bahagian Pemuliharaan En Iswandi Junaidi, Kurator Bahagian Pengangkuasaan Puan Dayang Morzanah Bt Haji Awang Hadi, Bahagian Arkeologi En. Nichlos Darby, dan Bahagian Perhubungan Awam, En Zakaria Hattar di atas kerjasama dan bantuan yang diberikan sepanjang proses penulisan latihan ilmiah ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Bahagian Arkib Muzium khususnya Encik Busman, Perpustakaan Negeri Sarawak, dan Perpustakaan UMS.

Di kesempatan ini juga saya mengucapkan jutaan terima kasih keluarga yang memberi dorongan baik secara langsung atau tidak langsung, terutamanya kepada bapa saya Ugong Anak Nyandau serta seisi keluarga. Kepada kakak saya Bibfarida Bt Sirat, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kerana dorongan, semangat, bantuan yang diberikan tanpa henti sejak dari dulu lagi. Kesabaran beliau adalah tunggak kepada kejayaan saya dalam menghasilkan penulisan ini. Tidak lupa juga kepada semua rakan seperjuangan di atas bantuan dan tunjuk ajar selama ini. Tanpa kalian, saya tidak dapat menyiapkan latihan ilmiah ini dengan sebaiknya.

Bidah Anak Ugong  
21 Oktober 2012

## **ABSTRAK**


### **PENGURUSAN WARISAN BUDAYA KETARA: TAPAK ARKEOLOGI DAN MONUMEN BERSEJARAH NEGERI SARAWAK, 1947 – 2010**

Kewujudan institusi pemuziuman di Sarawak seawal tahun 1891 adalah titik tolak kepada perkembangan pengurusan warisan budaya ketara Sarawak yang merupakan salah satu entiti perkhidmatan awam negeri tersebut. Setelah pembentukan Malaysia pada tahun 1963, pengurusan warisan budaya Sarawak diperkemaskan lagi dengan meletakkan Jabatan Muzium Sarawak di bawah Kementerian Tempatan Negeri pada tahun 1964. Namun penyelidikan warisan budaya dalam konteks disiplin sains dan non-sains hanya dilakukan selepas Perang Dunia Kedua dengan perlantikan Tom Harrisson sebagai kurator di Jabatan Muzium Sarawak. Beliau bertanggungjawab menjemput para sarjana untuk mengkaji pelbagai aspek tinggalan budaya dan semulajadi negeri ini. Bagi aktiviti konservasi, ia hanya menyusul beberapa tahun kemudian setelah timbul kesedaran untuk memanfaatkan warisan budaya sebagai produk pelancongan. Usaha mengekalkan dan melindungi kekayaan bentuk warisan budaya turut dilakukan dengan pengubalan satu ordinan khusus. Akan tetapi tinggalan budaya Sarawak masih berdepan dengan ancaman pembangunan dan vandalisme warisan. Hanya melalui kerjasama di antara pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengurusan warisan Sarawak sahaja dapat memulihara dan memelihara warisan ini supaya ia dapat diwariskan kepada generasi akan datang.



## **ABSTRACT**

*The existence of museum institution in Sarawak as early as the year 1891 is the starting point to the development of Sarawak cultural heritage management which is an entity of the state civil service. After the formation of Malaysia in 1963, Sarawak cultural heritage management has been further reinforce by allocating the Sarawak museum department under the Ministry of Local Affairs in 1964. But, cultural heritage research in context of science and non sciences discipline is only done after the Second World War, after the appointment of Tom Harrisson as the curator of the Sarawak Museum. He is responsible for inviting the scholars to study various aspects of cultural and natural heritage in this state. Meanwhile, conservation activities were only carried out a few years later, after the arising awareness to use cultural heritage as tourism product. To preserve and protect the richness of Sarawak cultural heritage, an ordinance has been legislated. Nevertheless, Sarawak cultural heritage continues to face development threats and vandalism. Merely through cooperation between the parties which are involved directly and indirectly in the cultural heritage management can preserve this heritage in order to pass on to the future generations.*



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI KANDUNGAN**

Halaman

<b>PENGAKUAN CALON</b>	i
<b>PENGESAHAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI FOTO</b>	xii
<b>SENARAI SIMBOL, UNIT, SINGKATAN, FORMULA, TATA NAMA, ISTILAH DAN NOMBOR</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi

### **BAB 1: PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Kepentingan Kajian	3
1.5 Sorotan Literatur	4
1.6 Metodologi Kajian	20
1.7 Skop Kajian	23
1.8 Pentakrifan Konsep	23
1.8.1 Takrifan Pengurusan	23
1.8.2 Takrifan Pengurusan Warisan Budaya	30
1.8.3 Takrifan Warisan Arkeologi	34
1.8.4 Takrifan Monumen	41
1.9 Pembahagian Bab	43
1.10 Kesimpulan	44



## **BAB 2: AGENSI PELAKSANA PENGURUSAN WARISAN BUDAYA KETARA SARAWAK**

2.1 Pengenalan	45
2.2 Agensi Pengurusan (Kementerian)	45
2.3 Institusi Pemuziuman (Jabatan Muzium Sarawak)	52
2.3.1 Perkembangan Jabatan Muzium Sarawak	52
2.3.2 Organisasi Jabatan Muzium Sarawak	57
2.3.3 Pembangunan dan Peranan Jabatan Muzium Sarawak	66
2.4 Kesimpulan	83

## **BAB 3: WARISAN BUDAYA KETARA SARAWAK**

3.1 Pengenalan	84
3.2 Tapak Arkeologi	85
3.2.1 Kompleks Gua Niah	86
3.2.2 Gua Sireh	95
3.2.3 Lubang Angin	99
3.2.4 Lubang Kudih	101
3.2.5 Kompleks Gua Ulu Kakus	101
3.2.6 Kompleks Gua Kapur Bukit Sarang	102
3.2.7 Santubong	102
3.2.8 Gua Bugoh	108
3.2.9 Bukit Sandong	111
3.2.10 Ensika	111
3.2.11 Tanjung Sangidam Hilir	112
3.2.12 Sungai Kelaka	112
3.2.13 Tapak Saratok	113
3.2.14 Sungai Putai	113
3.3 Artifak	114
3.3.1 Zaman Paleolitik	114
3.3.2 Zaman Mesolitik	116
3.3.3 Zaman Neolitik	118
3.3.4 Zaman Protosejarah	120
3.3.5 Zaman Kolonial	123
3.4 Tradisi Megalitik di Sarawak	128
3.4.1 <i>Menhir</i>	130
3.4.2 Batu Berukir	132
3.4.3 <i>Dolmen</i>	135
3.4.4 Timbunan Batu	136
3.4.5 Batu Nisan	137
3.5 Lanskap	137

3.6 Monumen	139
3.6.1 Istana	140
3.6.2 Bangunan Mahkamah	142
3.6.3 Kubu Margherita	144
3.6.4 Bangunan <i>Square Tower</i>	147
3.6.5 Muzium Sarawak	148
3.6.6 Pejabat Pos Kuching	149
3.6.7 Kubu Alice	151
3.6.8 Kubu Lili	154
3.6.9 Kubu Hose	157
3.6.10 Kubu Sylvia	159
3.6.11 Bangunan Menara Bulat	162
3.6.12 Bangunan Pejabat Pelajaran ( <i>Pavilion</i> )	163
3.6.13 Jambatan Gantung Satok	164
3.6.14 Madrasah Melayu	166
3.6.15 Kubu Emma	167
3.6.16 Kubu Lama	170
3.6.17 <i>Miri Oil Well No. 1 Site</i>	171
3.6.18 Rumah Kediaman Hakim	172
3.6.19 Majlis Perbandaran Kuching	172
3.6.20 <i>Chinese Chamber of Commerce</i>	173
3.6.21 Balai Polis	175
3.6.22 Banglo Segu	175
3.6.23 <i>Siew San Teng (Tua Pek Kong)</i>	176
3.6.24 Gereja St. James	177
3.6.25 Rumah Bishop	179
3.6.26 Darul Kurnia	180
3.6.27 Sekolah Menengah St. Thomas	181
3.6.28 Sekolah Menengah St. Joseph	183
3.6.29 Baruk	183
3.6.30 Kubu Lio Matu	184
3.6.31 <i>Sultan Tengah Tomb (Makam Sultan Tengah)</i>	185
3.6.32 <i>Fort Tebakang</i>	187
3.6.33 Kubu Long Akah	188
3.6.34 Bom Shelter	189
3.6.35 Kubu Arudell	189
3.6.36 Kubu Brooke, Meluan	190
3.6.37 <i>Klirieng</i>	191
3.7 Kesimpulan	195

## **BAB 4: IMPLEMENTASI PENGURUSAN WARISAN BUDAYA**

4.1 Pengenalan	196
4.2 Perundangan ( <i>Sarawak Cultural Heritage Ordinance 1993</i> )	196
4.3 Penyelidikan Warisan Budaya Ketara	204
4.3.1 Tokoh Penyelidik	213
4.4 Konservasi	219
4.4.1 Konservasi Tapak Arkeologi	222
4.4.2 Konservasi Artifak	223
4.4.3 Konservasi Monumen Bersejarah	225
4.5 Kesimpulan	227

## **BAB 5: POTENSI DAN CABARAN**

5.1 Pengenalan	228
5.2 Potensi Warisan Budaya Ketara Sarawak (Arkeopelancongan)	228
5.2.1 Sumber Arkeopelancongan Sarawak	230
5.2.2 Perkembangan Arkeopelancongan Sarawak	233
5.3 Cabaran Melestarikan Warisan Budaya Ketara Sarawak	244
5.3.1 Kerenah Birokrasi	245
5.3.2 Kekurangan Tenaga Mahir	246
5.3.3 Kesedaran Masyarakat Awam	247
5.3.4 Mengekalkan Nilai Estetika Warisan	250
5.3.5 Urbanisasi	251
5.3.6 Vandalisme	252
5.3.7 Ancaman Alam Semulajadi	256
5.3.8 Lokasi Monumen	259
5.4 Kesimpulan	259

## **BAB 6: RUMUSAN**


## **BIBLIOGRAFI**

## **GLOSARI**

## **LAMPIRAN**

## **SENARAI JADUAL**

	Halaman
Jadual 2.1 Perubahan Nama Kementerian Pelancongan dan Warisan Sarawak	47
Jadual 2.2 Peruntukan Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985 (Juta)	49
Jadual 2.3 Peruntukan Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990)	50
Jadual 2.4 Senarai Kurator Muzium Sarawak(1886-2011)	64
Jadual 2.5 Koleksi Muzium Sarawak pada tahun 1983	71
Jadual 2.6 Koleksi <i>Reference Library and Archive</i> pada tahun 1983	71
Jadual 2.7 Koleksi Jabatan Muzium Sarawak	72
Jadual 2.8 Jumlah Sumber Manusia JMS	74
Jadual 3.1 Period dan Jangkamasa Tapak Arkeologi Sarawak	114
Jadual 3.2 Pemerintah Mendiami Istana Pada Zaman Kolonial	141
Jadual 3.3 Tuan Yang Terutama Mendiami Istana	141
Jadual 4.1 Jenis Kesalahan	203




**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI RAJAH**

Halaman

Rajah 1.1	Fungsi Pengurusan Menurut Daft & Marcic (2009)	25
Rajah 1.2	Fungsi Pengurusan	28
Rajah 1.3	Peringkat Pengurus	29
Rajah 1.4	Takrifan Pengurusan	29
Rajah 1.5	Kitaran Pengurusan Warisan Arkeologi Menurut Williems (1997)	31
Rajah 2.1	Piramid Pengurusan Warisan Budaya Ketara Sarawak	46
Rajah 2.2	Saluran Bajet Pengurusan Warisan Budaya Sarawak	49
Rajah 2.3	Belanjawan Pengurusan dan Pembangunan JMS (1970 – 2012)	50
Rajah 2.4	Carta Organisasi Muzium Sarawak	65
Rajah 2.5	Peranan Muzium: Edan dan Dean (1994)	66
Rajah 2.6	Pertambahan kakitangan Jabatan Muzium Sarawak 1963-1982	76
Rajah 2.7	Perkembangan Fasiliti Jabatan Muzium Sarawak (1906-1987)	79
Rajah 2.8	Peranan Jabatan Muzium Sarawak	82
Rajah 4.1	Proses Penggazettan Warisan Budaya Sarawak	199
Rajah 4.2	Pelan Ekskavasi Lobang Kuala ( <i>West Mouth</i> ), 2000	208
Rajah 4.3	Pelan Ekskavasi Lobang Kuala ( <i>West Mouth</i> ), 2001	209
Rajah 4.4	Pelan Ekskavasi Lobang Kuala ( <i>West Mouth</i> ), 2003	211
Rajah 5.1	Kunjungan pelawat ke Muzium (1947 – 2010)	234



UNIVERSITI  
SABAH  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI FOTO

	Halaman	
Foto 2.1	Sayap tambahan pada bangunan muzium	76
Foto 2.2	Muzium Sarawak, 2010	80
Foto 3.1	Pemandangan Permukaan Gua Niah	86
Foto 3.2	Laluan Pajalan Kaki ke Kompleks Gua Niah	87
Foto 3.3	Tapak Arkeologi di Kompleks Gua Niah	88
Foto 3.4	Lokasi Lobang Kuala ( <i>West Mouth</i> )	90
Foto 3.5	Tapak Ekskavasi Lobang Kuala ( <i>West Mouth</i> )	90
Foto 3.6	Replika <i>Deep Skull</i>	91
Foto 3.7	Tapak Arkeologi Gua Kain Hitam ( <i>Panted Cave</i> )	92
Foto 3.8	Lukisan Dinding Gua Kain Hitam ( <i>Painted Cave</i> )	92
Foto 3.9	Aktiviti Pembersihan di Lobang Kuala ( <i>West Mouth</i> )	94
Foto 3.10	Gua Sireh	96
Foto 3.11	Tapak Arkeologi Gua Sireh	97
Foto 3.12	Tapak <i>In situ</i> Gua Sireh	97
Foto 3.13	Lokasi Gua Sireh	98
Foto 3.14	Lokasi Lubang Angin	99
Foto 3.15	Permukaan Lubang Angin	100
Foto 3.16	Tapak Arkeologi Lubang Angin	100
Foto 3.17	Batu Gambar, Sungai Jaong	104
Foto 3.18	Tapak <i>In situ</i> Sungai Jaong	104
Foto 3.19	Tapak Penemuan Emas	105
Foto 3.20	Tapak Arkeologi Bukit Maras	106
Foto 3.21	Tapak Arkeologi Bongkissam, 2010	108
Foto 3.22	Permandangan Gua Bugoh	108
Foto 3.23	Pintu Masuk Gua Bugoh	109
Foto 3.24	Tapak Arkeologi Gua Bungoh	109
Foto 3.25	Peralatan Batu, Gua Bungoh	110
Foto 3.26	Kulit Siput, Gua Bungoh	110
Foto 3.27	Tapak Arkeologi Sungai Putai	113
Foto 3.28	Peralatan Batu, Zaman Paleolitik	115
Foto 3.29	Kulit Siput, Dijumpai di Kompleks Gua Niah	115
Foto 3.30	Peralatan Batu, Lobang Kuala ( <i>West Mouth</i> )	116
Foto 3.31	<i>Flakes</i> , di Lobang Kuala ( <i>West Mouth</i> )	117
Foto 3.32	Kendi Zaman Mesolitik, Lobang Kuala ( <i>West Mouth</i> )	117
Foto 3.33	Manik, Zaman Neolitik	119
Foto 3.34	Jenis Tembikar, Zaman Neolitik	119
Foto 3.35	Objek Emas, Bongkissam	121
Foto 3.36	Batu Permata yang dijumpai di Pelantar Batu	121
Foto 3.37	Patung Ganesa, Bukit Maras	122
Foto 3.38	Objek emas dan kotak ritual, Bongkissam	122
Foto 3.39	Pasu Annamese, Sawanklok dan seramik <i>blue and white</i> , Gedung	123
Foto 3.40	Setem yang digunakan pada Zaman Kolonial	124
Foto 3.41	Setem yang digunakan pada Zaman Kolonial	124
Foto 3.42	Mata Wang Syiling semasa pemerintahan Rajah James Brooke	125

Foto 3.43	Mata Wang Syiling semasa pemerintahan Rajah Charles Vyner Brooke	126
Foto 3.44	Mata wang kertas \$1 Dollar, Jepun	126
Foto 3.45	Bahagian belakang \$1 Dollar, Jepun	127
Foto 3.46	Mata wang kertas \$5 Dollar, Jepun	127
Foto 3.47	Bahagian Belakang \$5 Dollar, Jepun	127
Foto 3.48	Mata wang kertas \$10 Dollar, Jepun	128
Foto 3.49	Bahagian belakang \$10 Dollar, Jepun	128
Foto 3.50	<i>Menhir Pa Bangar</i>	130
Foto 3.51	<i>Batu Sinuped Pa' Bangar</i> (bentuk segiempat)	131
Foto 3.52	<i>Relief Batuh Narit Long Beruang</i>	133
Foto 3.53	<i>Relief Batuh Nerit Long Beruang</i> (lelaki)	134
Foto 3.54	<i>Relief Batuh Nerit Long Beruang</i> (perempuan)	134
Foto 3.55	<i>Relief Batuh Narit Long Kesi</i>	135
Foto 3.56	<i>Dolmen Batuh Ritong</i>	135
Foto 3.57	Tapak Rumah Panjang Temenggong Tandok	138
Foto 3.58	Istana Kuching	140
Foto 3.59	Mahkamah Lama Kuching	142
Foto 3.60	Memorial Rajah Charles Brooke	143
Foto 3.61	Kubu Margherita	146
Foto 3.62	Koleksi Meriam, Kubu Margherita	146
Foto 3.63	Replika Keadaan Polis di Kubu Margherita	147
Foto 3.64	Bangunan Square Tower	148
Foto 3.65	Muzium Sarawak pada tahun 1981	148
Foto 3.66	Pejabat Pos, Kuching	150
Foto 3.67	Kubu Alice, 2005	151
Foto 3.68	Kubu Alice, 2010	153
Foto 3.69	Kubu Lili	154
Foto 3.70	Kubu Hose, 1994	157
Foto 3.71	Kubu Sylvia	159
Foto 3.72	Galeri Muzium Yayasan Tun Jugah	161
Foto 3.73	Galeri Seramik, Muzium Yayasan Tun Jugah	161
Foto 3.74	Memorial Tun Jugah	162
Foto 3.75	Bangunan Menara Bulat	162
Foto 3.76	Bangunan Pejabat Pelajaran ( <i>pavilion</i> )	164
Foto 3.77	Jambatan Gantung Satok	164
Foto 3.78	Madrasah Melayu	166
Foto 3.79	Kubu Emma	167
Foto 3.80	Kubu Emma	168
Foto 3.81	Galeri Sejarah Kanowit	169
Foto 3.82	Kubu Lama	170
Foto 3.83	<i>Miri Oil Well Site</i>	171
Foto 3.84	Majlis Perbandaran Kuching	173
Foto 3.85	<i>Chinese Chamber of Commerce</i>	174
Foto 3.86	Balai Polis	175
Foto 3.87	Siew San Teng (Tua Pek Kong)	177
Foto 3.88	Gereja St. James	178
Foto 3.89	Bangunan Gereja St. James yang telah musnah	178
Foto 3.90	Rumah Bishop	179

Foto 3.91	Darul Kurnia	180
Foto 3.92	Bahagian depan Sekolah Menengah St Thomas	183
Foto 3.93	<i>Baruk, Kampung Opar</i>	184
Foto 3.94	Makam Sultan Tengah	186
Foto 3.95	Batu Nisan Sultan Tengah	186
Foto 3.96	Batu Buaya	187
Foto 3.97	Kubu Tebakang	187
Foto 3.98	Kubu Brooke, Meluan	190
Foto 3.99	<i>Klirieng Punan Bah (1840)</i>	192
Foto 3.100	<i>Klirieng (1880)</i> , Rantau Belak, Tatau	194
Foto 4.1	Tom Harrisson	210
Foto 4.2	Barbara Harrisson	211
Foto 4.3	Lord Medway	212
Foto 4.4	William G. Solheim di sebelah kanan	213
Foto 4.5	Zuraina Majid	214
Foto 4.6	Ipoi Daten dan Stephen Chia	214
Foto 5.1	Kawasan pejalan kaki, Gua Sireh	242
Foto 5.2	Kemudahan pejalan kaki, Gua Sireh	242
Foto 5.3	Jualan Kraftangan	243
Foto 5.4	Papan tanda	243
Foto 5.5	Perkhidmatan Perahu	244
Foto 5.6	Lukisan Dinding Gua Sireh	245
Foto 5.7	Lukisan Dinding Gua Kain Hitam ( <i>Painted Cave</i> )	246
Foto 5.8	Persekutaran Kubu Alice, tempat pembakaran	252
Foto 5.9	Dinding Kubu Tebakang yang diconteng	253
Foto 5.10	Vandalisme, Kubu Tebakang	253
Foto 5.11	Vandalisme, Kubu Tebakang	254
Foto 5.12	Vandalisme, Kubu Tebakang	254
Foto 5.13	Vandalisme, Kubu Tebakang	255
Foto 5.14	Kubu Tebakang musnah	255
Foto 5.15	Hakisan Tanah, Kubu Emma	257
Foto 5.16	Hakisan Tanah, Kubu Emma	257
Foto 5.17	Hakisan Tanah, Kubu Emma	258
Foto 5.18	Hakisan Tanah, Kubu Emma	258

## **SENARAI SINGKATAN/SIMBOL**

<b>UNESCO</b>	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
<b>NTO</b>	<i>Tourism Offices</i>
<b>ICOM</b>	<i>International Council of Museum</i>
<b>AIA</b>	<i>Archaeological Institut of America</i>
<b>WTO</b>	<i>World Tourism Organisation</i>
<b>PHD</b>	<i>Doctor of Philosophy</i>
<b>IIC</b>	<i>International For Conservation Of Historic and Work Of Art</i>
<b>ICCROM</b>	<i>International Centre for the Study of Preservation Of Cultural Property</i>
<b>ICAHM</b>	<i>International Committee on Archaeological Heritage Management</i>
<b>SODIF</b>	<i>Etika Perkhidmatan Awam Baru Sarawak</i>
<b>TYT</b>	<i>Tuan Yang Terutama</i>
<b>JMS</b>	<i>Jabatan Muzium Sarawak</i>
<b>RM</b>	<i>Ringgit Malaysia</i>
<b>\$</b>	<i>Dollar</i>



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN A	Belanjawan Pengurusan dan Pembangunan JMS (1970-2012)
LAMPIRAN B	Peta Tapak Arkeologi Sarawak
LAMPIRAN C	Peta Monumen Sarawak
LAMPIRAN D	Tapak Arkeologi Sarawak
LAMPIRAN E	Monumen Bersejarah Sarawak
LAMPIRAN F	Senarai Monumen Bersejarah Sarawak yang Dizagetkan, 1971-2008
LAMPIRAN G	Jumlah Pelawat Muzium 1947-2010
LAMPIRAN H	<i>Sarawak Cultural Heritage Ordinance 1993</i>



## **BAB 1**


### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pengurusan warisan sama ada budaya atau semulajadi merupakan sub bidang dalam disiplin pengajian warisan dengan enam kerangka pengurusan. Bidang ini mula menjadi disiplin ilmiah bermula pada tahun 1970an. Sebagai sub disiplin yang agak muda, ia banyak mengambil pendekatan yang berteraskan disiplin lain khususnya arkeologi. Akan tetapi, tidak bermakna pengurusan warisan merupakan sebahagian daripada arkeologi. Pengurusan warisan awalnya telah bermula di Sweden pada tahun 1666. Walau bagaimanapun, bentuk pengurusan ini wujud secara sistematik hanya setelah berakhirnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1947. Hal ini adalah kerana negara yang terlibat dengan perperangan tersebut telah mengalami kemasuhan warisan yang mengerikan. Justeru itu, pengurusan diwujudkan untuk memastikan warisan budaya dapat dikenalkan. Di Malaysia, pengurusan warisan hanya wujud sebagai salah satu daripada bidang disiplin selepas institusi pengajian tinggi awam menawarkan kursus-kursus berkaitan pengurusan warisan dan menjalankan penyelidikan berkaitannya. Manakala, kewujudannya sebagai salah satu daripada entiti perkhidmatan awam di Malaysia sejak akhir abad ke-19 apabila institusi pemuziuman ditubuhkan di Taiping dan Kuching.

Di Sarawak, pengurusan warisan budaya ketara mendapat perhatian pentadbiran Brooke seawal tahun 1891 melalui penubuhan dan pembinaan bangunan muzium pada tahun tersebut. Setelah terbentuknya Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 kepentingan warisan budaya semakin jelas kelihatan apabila ia diletakkan di bawah kementerian. Bertitik tolak dari itu juga, kementerian dan institusi pemuziuman telah bersama mengembang tenaga bagi memastikan pengurusan warisan budaya sentiasa berkembang selaras dengan arus permodenan Sarawak. Dengan itu, pemuliharaan dan penyelidikan menjadi agenda utama kedua agensi ini. Kewujudan beberapa ordinan pula telah berjaya

mengawal aktiviti yang memusnahkan bentuk warisan budaya yang ada. Usaha ini ternyata memperlihatkan hasilnya apabila pengurusan yang sistematik membawa kepada pembangunan warisan budaya Sarawak. Perlantikan Tom Harrisson sebagai Kurator Muzium Sarawak pada tahun 1947 memberi impak positif kepada pembangunan warisan budaya. Walaupun muzium wujud pada tahun 1891 namun aktiviti pembangunan dan pengurusan tidak dilakukan secara meluas. Semenjak perlantikan Tom Harrisson banyak aktiviti ekskavasi dilakukan di bawah penyeliaan beliau. Setelah perkhidmatannya tamat, tugas mengendalikan warisan budaya diambil alih oleh kurator tempatan sehingga kini. Di samping peranan kurator yang berkesan, institusi pemuziuman negeri Sarawak juga sentiasa memperbaiki mutu perkhidmatannya. Bilangan muzium bertambah dari tahun ke tahun, sehingga kini telah diwujudkan di setiap daerah bagi memudahkan proses pengurusan koleksi barang warisan yang terdapat di segenap pelusuk negeri Sarawak. Institusi pemuziuman penting untuk tujuan pemuliharaan, penyelidikan dan medium penyebaran informasi kepada masyarakat tempatan dan juga pelancong luar yang datang ke Sarawak.



Dalam pada itu, warisan budaya Sarawak juga mucul sebagai pendorong kepada peningkatan ekonomi khususnya dalam aktiviti ekonomi yang berteraskan pelancongan. Arkeopelancongan semakin mendapat tempat bukan sahaja dalam kalangan pelancong tempatan malah pelancong luar yang datang ke Sarawak. Warisan budaya seperti monumen tinggalan penjajah dan tapak arkeologi menjadi tumpuan utama para pelancong.

Walau bagaimanapun, warisan budaya ketara Sarawak masih lagi berhadapan dengan beberapa bentuk ancaman khususnya aktiviti vandalisme. Keadaan ini telah menyebabkan kerajaan negeri Sarawak sentiasa berusaha untuk menyelamatkan warisan budayanya daripada terus diancam kemusnahan.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Sarawak mula mendapat perhatian dalam kajian kepurbakalaan manusia dan evolusi spesies seawal era pencarian Charles Darwin, Thomas Henry Huxley dan Alfred Russel Wallace dalam menjelaskan bukti *missing link* pada tahun 1855 di gua

purba negeri ini. Penemuan arkeologi selepas Perang Dunia Kedua yang diterajui oleh Tom Harrisson merupakan titik tolak kepada pembangunan warisan budaya ketara negeri tersebut yang mempunyai muzium yang terawal di Borneo dan kedua di Malaysia. Manakala, kekayaan koleksi warisan budayanya tidak mampu ditandingi oleh mana-mana negeri di Malaysia apatah lagi warisan budaya ketara. Hal ini seterusnya mendorong kepada kemajuan dalam industri pelancongan warisan. Walau bagaimanapun, warisan budaya negeri ini telah lama berhadapan dengan ancaman warisan. Penelitian ke atas pengurusan warisan budaya ketara Sarawak adalah menyentuh persoalan berkaitan dengan agensi pelaksana pengurusan warisan budaya ketara, bentuk warisan budaya ketara, implementasi pengurusan warisan budaya ketara serta potensi dan cabaran warisan budaya ketara berdasarkan kerangka kajian pengurusan warisan yang diutarakan oleh beberapa orang sarjana seperti McKercher dan du Cros (2002), William (1997), Ndro dan Pwiti (1999), Middleton (1990), Smith (2004), McGimsey (1972), Cleere (1984), Hunter dan Ralston (1993), Pearson dan Sullivan (1995), Hall dan McArthur (1996) dan King (1998). Kerangka tersebut mencakupi persoalan berkaitan agensi pelaksana pengurusan warisan budaya ketara; bentuk warisan budaya ketara; implementasi pengurusan; potensi warisan budaya ketara dan cabarannya.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini ialah membincangkan amalan pengurusan warisan budaya ketara di Sarawak. Manakala lima objektif spesifik ialah menjelaskan agensi pelaksana pengurusan warisan budaya ketara; menghuraikan bentuk warisan budaya ketara Sarawak; menjelaskan implementasi pengurusan warisan budaya ketara Sarawak yang meliputi perundangan, penyelidikan dan konservasi; menjelaskan peranan warisan budaya ketara dalam meningkatkan industri arkeopelancongan dan menghuraikan bentuk cabaran yang dihadapi dalam usaha melestarikan warisan budaya ketara yang ada di Sarawak.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk meningkatkan pemahaman pembaca berkaitan dengan pengurusan warisan budaya Sarawak. Ia juga turut mengelakkan kekeliruan masyarakat terhadap keberkesanan pengurusan yang dilakukan oleh agensi yang

bertanggungjawab. Tambahan kepada itu, penulisan ini juga cuba untuk memperlihatkan kepada masyarakat bahawa warisan itu tidak akan kekal abadi sekiranya tidak dibangunkan dan diuruskan dengan sistematik. Lebih penting lagi, penulisan ini akan menjadi rujukan para penyelidik seterusnya berkaitan dengan pengurusan warisan budaya ketara Sarawak.

## **1.5 Sorotan Literatur**

Sorotan Literatur merupakan salah satu daripada aspek penting yang terdapat dalam sesebuah penulisan ilmiah. Ia merupakan kajian lepas yang dilakukan oleh para sarjana dalam sesuatu bidang. Dalam menghasilkan penulisan ini penulis telah membahagikan dua tema iaitu pengurusan umum dan khusus dan warisan budaya ketara.

### **1.5.1 Pengurusan**

Bagi mendalami konsep pengurusan, penulis merujuk penulisan oleh Hannagan (2002)<sup>1</sup>. Penulisan ini membincangkan langkah atau cara pengurusan sesebuah organisasi membangunkan institusinya. Antaranya ialah mengenalpasti ciri-ciri seorang pengurus untuk menguruskan sesebuah institusi, mengenalpasti teori pengurusan dan memahami peranan serta tanggungjawab pengurusan akibat daripada perubahan masa. Beliau telah menggariskan peranan seorang pengurus serta tindakan yang patut dilakukannya pada masa akan datang. Justeru aspek yang diberi tumpuan ialah strategi pengurusan sumber manusia, pengurusan operasi, pengurusan isu dan pengurusan cabaran. Walau bagaimanapun, beliau hanya membincangkan konsep asas dalam bidang pengurusan terutamanya dalam hal yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi. Nyatanya penulisan ini tidak menjurus kepada pengurusan warisan secara mendalam.

Seterusnya, penulis merujuk kepada penulisan oleh Bartol dan rakan-rakannya (2005)<sup>2</sup>. Penulisan ini membantu penulis memahami amalan pengurusan kerana kandungannya membincangkan proses pengurusan, analisis kaedah terkini dalam pengurusan, kaedah pengurusan berkesan dalam menguruskan organisasi

<sup>1</sup> Tim Hannagan, *Management: Concepts and Practise*, London: Pearson Prentice Hall, 2002.

<sup>2</sup> Kathryn Bartol *et al.*, *Management: A Pacific Rim Fokus*, New York: McGraw Hill, 2005.

dan fungsi organsasi dalam suatu pengurusan. Manakala bahagian dua membincangkan masalah yang diselesaikan oleh pengurus sebagai individu tertinggi dalam menjalankan pengurusan organisasi. Ia menggariskan pengurusan strategi yang merupakan suatu aspek perancangan yang efektif untuk mencapai target. Sementara itu, bahagian tiga memfokuskan aspek organisasi meliputi struktur organisasi, reka bentuk organisasi strategik dan pengurusan sumber manusia. Bahagian empat, lima dan enam masing-masing membincangkan hal berkaitan mengetuai sesbuah pengurusan, pengawalan dan fungsi kesemua aspek pengurusan. Akan tetapi, terdapat beberapa aspek yang tidak diberi perhatian dalam buku ini seperti pembangunan sesuatu pengurusan yang diketuai oleh seorang pengurus.

Selain itu, penulisan yang menjadi panduan utama dalam memahami istilah pengurusan ialah karya oleh Aizat Mohd. Nasurdin dan rakan-rakannya (2006)<sup>3</sup>. Buku ini menjadi rujukan utama kerana ia membincangkan aspek definisi, isu, cabaran dan perlaksanaan fungsi pengurusan dalam organisasi. Misalnya dalam bab satu dan bab dua terdapat pengenalan mengenai pengurusan yang berkaitan dengan definisi organisasi, pengurusan, pengurus, perkaitan antara pengurus dengan prestasi organisasi, jenis-jenis pengurus, fungsi asas dalam pengurusan serta sejarah disiplin pengurusan. Secara amnya, dengan membaca buku ini penulis mendapat maklumat asas berkaitan dengan pengurusan. Walau bagaimanapun, aspek pengurusan yang ditulis dalam buku ini hanya secara umum sahaja. Ia hanya boleh dirujuk untuk tujuan umum bagi seseorang yang ingin mengetahui subjek pengurusan.

Seterusnya, penulis merujuk kepada penulisan oleh Griffin (2008)<sup>4</sup> berkaitan konsep pengurusan. Buku beliau mengandungi enam bahagian yang menghuraikan secara mendalam berkaitan bentuk pengurusan yang merangkumi pengenalan kepada pengurusan, situasi pengurusan, perancangan dan pengambilan keputusan, proses pengorganisasian, proses pengetuaan dan proses pengawalan.

---

<sup>3</sup> Aizat Mohd. Nasurdin *et al.*, *Pengantar Pengurusan*, Universiti Sains Malaysia: Utusan Publication, 2006.

<sup>4</sup> Ricky W. Griffin, *Management*, Boston: Houghton Mifflin, 2008.